

### Melindungi anda ketika anda rawat inap di hospital

- ✓ Penyertaan terjamin
- ✓ Tiada pemeriksaan kesihatan
- ✓ Manfaat dibayar terus kepada anda atau ahli keluarga dan bebas dari cukai
- ✓ Manfaat yang dibayar adalah tambahan kepada insurans sedia ada anda
- ✓ Premium bulanan tidak meningkat mengikut umur
- ✓ Anda layak untuk mendaftar sekiranya anda berumur 18-60



### Apa yang termasuk dalam Pelan Kemalangan Peribadi ini?

| Manfaat               |                                                                                     | Basic                                                     | Supreme    | Premier    |
|-----------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|------------|------------|
| Utama                 | Kematian akibat Kemalangan                                                          | 1,000                                                     | 2,000      | 3,000      |
|                       | Pendapatan Harian Hospital akibat Kemalangan                                        | 100 sehari                                                | 200 sehari | 300 sehari |
|                       | Pendapatan Harian Hospital Berganda akibat Kemalangan Jalan Raya                    | 200 sehari                                                | 400 sehari | 600 sehari |
|                       |  | Perlindungan meningkat 10% setiap tahun, sehingga 5 tahun |            |            |
| Tambahan<br>(pilihan) | Pendapatan Harian Hospital Akibat Denggi, Malaria, Zika dan Chikungunya             | 100 sehari                                                | 200 sehari | 300 sehari |
|                       | Pendapatan Harian Hospital akibat Kemalangan Motosikal                              | 100 sehari                                                | 200 sehari | 300 sehari |
|                       | Pasca Pemulihan Kemasukan Hospital                                                  | 1,000                                                     | 2,000      | 3,000      |
|                       | Bantuan Mobiliti Cacat Kekal Upaya Kekal akibat Kemalangan                          | 1,000                                                     | 2,000      | 3,000      |

Kesemua nilai dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM)

### Apakah yang dilindungi dengan pembayaran Manfaat Utama?

#### Pendapatan Harian Hospital akibat Kemalangan

Sehingga RM300 sehari selama 60 hari jika perkara berikut berlaku selepas kemalangan:

- Anda dirawat di hospital lebih daripada 24 jam akibat kecederaan

#### Pendapatan Harian Hospital Berganda akibat Kemalangan Jalan Raya


Sehingga RM600 sehari selama 30 hari jika perkara berikut berlaku selepas kemalangan jalan raya:

- Anda dirawat di hospital lebih daripada 24 jam akibat kecederaan
- Manfaat ini menggandakan manfaat Pendapatan Harian Hospital dan tidak dibayar secara tambahan kepada manfaat tersebut

#### Bonus Tanpa Tuntutan

- Jumlah perlindungan anda akan meningkat 10% setiap tahun lengkap sehingga maksimum 5 tahun, selagi tiada tuntutan dibuat. Jika tuntutan dibuat, jumlah perlindungan akan kembali ke jumlah asal pada pembaharuan polisi tahunan berikutnya.
- Perubahan jumlah perlindungan untuk pasangan atau anak yang diinsuranskan akan mengikut perubahan jumlah perlindungan utama secara automatik.

**Jika saya menambah pelan saya dengan beberapa pembayaran tunai tambahan, apakah yang termasuk di dalamnya?**



### **Denggi, Malaria, Zika, Chikungunya**

Anda dan keluarga akan menerima Manfaat Pendapatan Harian Hospital ini selama **maksimum 30 hari** jika:

- Anda dirawat di hospital lebih daripada 24 jam akibat Denggi, Malaria, Zika atau Chikungunya.



### **Kemalangan Motosikal**

Anda dan keluarga akan menerima Manfaat Pendapatan Harian Hospital ini selama **maksimum 30 hari** jika:

- Anda dirawat di hospital akibat kecederaan semasa menunggang motosikal atau sebagai penumpang
- Anda melaporkan kemalangan motosikal kepada pihak polis dalam masa 24 jam dan tuntutan anda disokong oleh laporan polis yang berkaitan



### **Manfaat Pasca Pemulihan Kemasukan Hospital**

Sehingga RM3,000 Anda dan keluarga anda akan menerima manfaat tunai sekaligus ini jika:

- Anda dimasukkan ke hospital selama lebih daripada 7 hari berturut-turut akibat kemalangan.



### **Manfaat Bantuan Mobiliti**

Sehingga RM3,000 Anda dan keluarga anda akan menerima manfaat tunai sekaligus ini jika:

- Anda mengalami Hilang Upaya Kekal Menyeluruh akibat kemalangan.

## **Apa lagi yang perlu saya tahu tentang ezSihat?**

- Anda dan pasangan boleh mendaftar sekiranya anda berdua berumur di antara 18 – 60.
- Jumlah bayaran dari manfaat untuk anak-anak adalah 50% daripada jumlah yang dibayar kepada orang dewasa.
- Anak mesti berumur di antara 6 bulan sehingga 23 tahun dan masih di bawah tanggungan pemegang Polisi. Tiada had untuk bilangan anak yang boleh dilindungi
- Pembaharuan ezSihat adalah terjamin, selagi premium dibayar, sehingga umur 65 tahun dimana pelan ini akan ditamatkan
- Jika anda mendaftar dalam ezSihat, anda boleh membatalkan dengan memulangkan Polisi kepada ezInsurance dalam tempoh 14 hari selepas menerimanya dan sebarang Premium yang telah dibayar oleh anda akan dipulangkan. Sekiranya anda memilih untuk membatalkan selepas 14 hari dari tarikh penerimaan Polisi, sebarang premium yang telah dibayar tidak akan dipulangkan.
- ezSihat diunderait oleh Pacific & Orient Insurance Co Berhad

## **Apa yang tidak dilindungi dibawah ezSihat?**

ezSihat mempunyai pengecualian yang merangkumi aktiviti yang dilarang, keadaan fizikal tertentu, kecuaian, penyakit sedia ada, pekerjaan tertentu, dan beberapa keadaan lain.

Sila rujuk Polisi Induk ezSihat untuk senarai penuh pengecualian, definisi dan syarat, atau hubungi kami di **1300 82 0011** jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.

